



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA NEGERI JOHOR

Scouts Association of Malaysia, Johor State

Diperbadankan dibawah Akta parlimen No.784 Tahun 1968 (Semakan 2016). Enacted under Parliament Act.No.784 (Revised 2016).

Ruj.Kami: PPMJ.600-1/2/2(08)

Ruj.Tuan:

Tarikh: 10 FEBRUARI 2020

Edaran seperti lampiran,

Tuan,

PERKHEMAHAN SAMBUTAN HARI PENGASAS PERINGKAT NEGERI JOHOR

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Johor akan mengadakan program di atas seperti ketetapan berikut:

Tarikh	: 21-22 Februari 2020 (Jumaat-Sabtu)
Masa Pendaftaran	: 9.30 pagi (Jumaat, 21 Februari 2020)
Tempat	: Kem Jubli Intan, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor.
Bayaran	: RM35.00 peserta / RM35.00 pemimpin

3. Sehubungan dengan itu, Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Johor berharap agar tuan dapat memaklumkan dan memanjangkan program ini kepada semua pemimpin dan ahli pengakap yang berminat menyertai program tersebut.

4. Untuk makluman tuan, segala permohonan penyertaan haruslah berdaftar dengan Pengakap Malaysia pada tahun semasa. Permohonan juga perlu mendapat kebenaran Pesuruhjaya Daerah dan segala kos untuk menyertai program tersebut adalah di bawah tanggungan sendiri atau PPM Daerah.

5. Segala pertanyaan mengenai program yang dianjurkan, tuan boleh merujuk terus kepada **En.Anuar bin Salleh di talian 017-7822514**. Bersama ini juga dilampirkan maklumat berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN'
'PENGAKAP MENTRANSFORMASI GENERASI'**

Saya yang menjalankan amanah,

BARDIN BIN UTEH

Ketua Pesuruhjaya Negeri,
Persekutuan Pengakap Malaysia,
Negeri Johor.

Sk: 1. Majlis Pesuruhjaya Pengakap Negeri Johor

ABS/abs...

1. En. Mohd. Sani bin Md.Hassan
Pesuruhjaya Pengakap Daerah Johor Bahru.
2. En. Mohd. Zaki bin Azman
Pesuruhjaya Pengakap Daerah Pontian
3. En. Emir Nashriq bin Kassim
Pesuruhjaya Pengakap Daerah Kulai.
4. En. Rizal bin Abdullah
Pesuruhjaya Pengakap Daerah Kota Tinggi.
5. En. Azmi bin Yusof
Pesuruhjaya Pengakap Daerah Pasir Gudang
6. Tn.Hj. Yusri bin Buang
Pesuruhjaya Pengakap Daerah Segamat
7. En. Mohd. Saberi bin Rajab
Pesuruhjaya Pengakap Daerah Mersing
8. En. Irasha bin Idris
Pesuruhjaya Pengakap Daerah Tangkak
9. En. Sharizam bin Abd. Talib
Pesuruhjaya Pengakap Daerah Kluang
10. En. Rahmad bin Abd. Rahman
Pesuruhjaya Pengakap Daerah Batu Pahat
11. En. Mohd.Azlan bin Bunasir
Pesuruhjaya Pengakap Daerah Muar.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

Jalan Tun Abdul Razak

80604, Johor Bahru

Johor Darul Ta'zim

Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid

Telefon : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-234 7132
Laman Web : www.jpnjohor.moe.gov.my
E-mel : jpn.johor@moe.gov.my
Telefon : 07-2311484 Faks : 07-2380742

Ruj. Kami : JPNJ.PBM.600-3/3/12 ()
Tarikh : 30 Januari 2020

Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Johor
Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Johor
No. 22, Jalan Kolam Air 1
Taman Nong Chik Heights
80000 Johor Bahru
Johor.

Tuan,

KEBENARAN PELEPASAN DAN KEBENARAN GURU SERTA PELAJAR MENYERTAI PROGRAM HARI PENGASAS

Dengan segala hormatnya surat tuan PPMNJ/600-1/2/2(03) bertarikh 26 Januari 2020 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Johor tiada halangan untuk murid dan guru yang terlibat menyertai program tersebut di atas pada **21 - 22 Februari 2020** bertempat di **Kem Jubli Intan, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor**.

3. Pihak tuan adalah dinasihatkan untuk berbincang dengan Pejabat Pendidikan Daerah dan Pengetua / Guru Besar sekolah yang berkenaan untuk tindakan yang selanjutnya disamping mematuhi perkara-perkara berikut untuk menjaga kepentingan dan kebajikan peserta :

- i. Tiada unsur paksaan menyertai aktiviti tersebut
- ii. Penyertaan tidak mengganggu persekolahan guru dan pelajar
- iii. Segala langkah hendaklah diambil demi keselamatan dan kebajikan peserta
- iv. Kebenaran bertulis daripada ibu / bapa / penjaga hendaklah diperolehi
- v. Murid tersebut telah dilindungi oleh Skim Insuran Perlindungan Diri tambahan
- vi. Guru pengiring mesti terlibat dalam semua aktiviti murid
- vii. Cuti Tanpa Rekod guru hendaklah tidak melebihi 14 hari
- viii. Penglibatan guru hendaklah mendapat kelulusan Pengetua/Guru Besar
- ix. Tiada implikasi kewangan dan perundangan ke atas Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor
- x. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon dan luput selepas **22 Februari 2020**.

4. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Encik Basri Efendi Bin Masri, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid di talian 012-7410257 / 07-2311480 di Unit Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(**HAJI AZMAN BIN ADNAN**)

Pengarah Pendidikan Negeri Johor

1. Timbalan Pengarah Pendidikan (Pembangunan Murid), JPN Johor
2. PPD Negeri Johor



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA NEGERI JOHOR

Scouts Association of Malaysia, Johor State

Diperbadankan dibawah Akta parlimen No.784 Tahun 1968 (Semakan 2016). Enacted under Parliament Act.No.784 (Revised 2016).

Pengarah,
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
Wisma Pendidikan, Jalan Tun Razak,
80604 Johor Bahru, Johor.
(U.P: Unit Pembangunan Bakat Murid)

TPP (Pm)
Tindak
KAMARUDIN BIN A U
KETUA PENOLONG PANGRAH KANA
TVET (PEMBELAJARAN)
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

Ruj.Kami: PPMJ/600-1/2/2(03)

Ruj.Tuan:

Tarikh: 26 JANUARI 2020

KPP Bahaf.
mohon tindakan tuan.
2/1 - 2/1
2/1

Tuan,

MEMOHON PELEPASAN DAN KEBENARAN GURU SERTA PELAJAR MENYERTAI PROGRAM HARI PENGASAS

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Johor akan mengadakan program di atas seperti ketetapan berikut:

Tarikh	: 21-22 Februari 2020 (Jumaat-Sabtu)
Masa Pendaftaran	: 9.30 pagi (Jumaat, 21 Februari 2020)
Sasaran Peserta	: 600 peserta.
Tempat	: Kem Jubli Intan, Tanjung Labuh, Batu Pahat, Johor.

3. Untuk makluman pihak tuan, pihak penganjur akan sentiasa memastikan tahap keselamatan dan kesihatan peserta berada dalam keadaan stabil dan sihat. Berserta surat ini dilampirkan juga kertas kerja berkenaan program ini untuk rujukan pihak tuan.

4. Sehubungan itu, pihak kami memohon budi bicara pihak tuan bagi memberi pelepasan dan kebenaran guru dan pelajar untuk menyertai program ini. Diharapkan pihak tuan dapat meluluskan permohonan ini untuk menambahkan pengetahuan pelajar khususnya ahli-ahli pengakap. Sebarang pertanyaan sila hubungi Tn Hj Abdul Razak bin Hj. Idris di talian 012-2762424

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN'
'PENGAKAP MENTRANSFORMASI GENERASI'

Saya yang menjalankan amanah,

BARDIN BIN UTEH
Ketua Pesuruhjaya Negeri,
Persekutuan Pengakap Malaysia,
Negeri Johor.

Sk: 1. Majlis Pesuruhjaya Pengakap Negeri Johor





SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN AKTIVITI

**SAMBUTAN HARI PENGASAS PERINGKAT NEGERI JOHOR
21-22 FEBUARI 2020
KEM JUBLI INTAN, TANJUNG LABUH BATU PAHAT**

SENARAI AKTIVITI :

AKTIVITI 1 : KEMAHIRAN KRAFTANGAN- MEMBUAT KOLAJ LOARD BADERN POWELL

AKTIVITI 2 : KOLEKSI HOBI : MEMPERAGA KOSTUM LENCANA

AKTIVITI 3 : BOLA TAMPAR PASIR

AKTIVITI 4 : KEMAHIRAN MASAKAN – MEMBUAT KUIH BUAH MELAKA (ONDEH-ONDEH)

AKTIVITI 5 : HIBURAN PENGAKAP – ROUND SONG

AKTIVITI 6 : FUN GAME

AKTIVITI 1 :
MEMBUAT KOLAJ LORD BADERN POWELL
PENGELOLA :
PPM BATU PAHAT - TUAN KHAIRUL ANAM BIN TUMIAN
(019-7751300)
FORMAT : PERTANDINGAN

1.0 PENGENALAN

1.1 Pertandingan ini melibatkan 2 kategori sahaja dengan tema “Hari Pengasas” iaitu kategori PKK dan kategori PM/PR

2.0 KELAYAKAN DAN SYARAT PERTANDINGAN

- 2.1 Penyertaan terbuka kepada semua ahli pengakap yang berdaftar dan menyertai “Perkhemahan Sambutan Hari Pengasas Negeri Johor 2020” kontinjen daerah masing-masing.
- 2.2 Pertandingan adalah secara berpasukan.
- 2.3 Setiap pasukan terdiri daripada 5 peserta
- 2.4 Penyertaan ahli pasukan hendaklah dari daerah yang sama.
- 2.5 Setiap daerah boleh menghantar maksimum 6 penyertaan bagi setiap kategori.

3.0 KAEDAH PERTANDINGAN

- 3.1 Setiap pasukan akan di berikan 1 helai kertas saiz A3 bergambar Pengasas Pengakap Lord Baden Powell.
- 3.2 Pasukan dikehendaki bekerjasama menampal dan gam dengan menggunakan teknik kolaj .
- 3.3 Bahan yang dibenarkan adalah daripada kertas surat khabar, bahan-bahan tumbuhan kering iaitu seperti daun, ranting, dan sabut sahaja.
- 3.4 Semua bahan dan perkakas hendaklah dibawa oleh peserta sendiri. Bawa gam secukupnya.
- 3.5 Setiap pasukan akan diberikan tempoh masa 1 jam 30 minit untuk mempersembahkan hasil masing-masing.
- 3.6 Pemenang akan mendapat sijil pemenang (individu) dan hadiah iringan (pasukan).

4.0 KRETIRIA PEMARKAHAN

- 4.1 Kriteria pemarkahan bergantung kepada kreativiti dan kekemasan.
- 4.2 Keputusan pengadil adalah muktamad.

5.0 HADIAH PERTANDINGAN

- 5.1 Kategori PKK : Hamper Johan, Naib Johan, Ketiga dan sijil setiap peserta.
- 5.2 Kategori PM/PR : Hamper Johan, Naib Johan, Ketiga dan sijil setiap peserta.

AKTIVITI 2 :
MEMPERAGAKAN KOSTUM KOLEKSI LENCANA
PENGELOLA :
PPM PASIR GUDANG – TUAN MUHAMMAD HANIF BIN MOHAMAD SHAR
(011-16137606)
FORMAT : PERTANDINGAN

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan 2 kategori sahaja (PKK) dan (PM/PR) kepada semua unit bertemakan “Hari Pengasas”.
- 1.2 Pertandingan ini diadakan sempena memperingati Hari Pengasas pengakap.
- 1.3 Pertandingan ini bertujuan mencungkil dan mengembangkan potensi minat ahli terhadap salah satu aktiviti pengakap (koleksi hobi).
- 1.4 Selain itu juga , dapat berkongsi minat dengan ahli-ahli yang lain dengan cara yang tersendiri.

2.0 KELAYAKAN DAN SYARAT PERTANDINGAN

- 2.1 Penyertaan terbuka kepada semua ahli yang berdaftar dan menyertai “Perkhemahan Sambutan Hari Pengasas Negeri Johor 2020” mengikut kontinjen daerah masing-masing.
- 2.2 Pertandingan adalah secara individu dan mewakili daerah masing-masing.
- 2.3 Peserta akan bertanding mengikut kategori masing-masing.

3.0 KAEDAH PERTANDINGAN

- 3.1 Peserta dikehendaki menyiapkan kostum dengan pelbagai koleksi lencana peribadi di sekolah masing-masing.
- 3.2 Kostum dikira pada badan sahaja seperti vest, baju, selempang dan topi atau bergantung kepada kreativiti masing-masing.
- 3.3 Setiap peserta akan memperagakan kostum dihadapan juri.
- 3.4 6 Pemenang akan mendapat sijil pemenang (individu) dan hadiah iringan (piala).

4.0 KRITERIA PEMARKAHAN

- 4.1 Kriteria pemarkahan

Kreativiti (60%)	Bilangan Lencana (20%)	Penampilan (20%)
------------------	---------------------------	------------------

- 4.2 Keputusan pengadil adalah muktamad.

5.0 HADIAH PERTANDINGAN

- 5.1 Kategori PKK : Piala Johan, Naib Johan, Ketiga dan sijil setiap peserta.
- 5.2 Kategori PM/PR : Piala Johan, Naib Johan, Ketiga dan sijil setiap peserta.

AKTIVITI 3 :
BOLA TAMPAR PASIR
PENGELOLA :
PPM MERSING - TUAN ASRUL ANWAR BIN MUHD ALI
(011-583248364)
FORMAT : PERTANDINGAN

1.0 PENGENALAN

1.1 Pertandingan ini melibatkan 2 kategori sahaja dengan tema “Hari Pengasas” iaitu kategori TERBUKA LELAKI dan TERBUKA PEREMPUAN

2.0 KELAYAKAN DAN SYARAT PERTANDINGAN

- 2.1 Penyertaan terbuka kepada semua ahli pengakap yang berdaftar dan menyertai “Perkhemahan Sambutan Hari Pengasas Negeri Johor 2020” kontinjen daerah masing-masing.
- 2.2 Pertandingan adalah secara berpasukan.
- 2.3 Setiap pasukan terdiri daripada 5 peserta
- 2.4 Penyertaan ahli pasukan hendaklah dari daerah yang sama.
- 2.5 Setiap daerah boleh menghantar 1 pasukan lelaki dan 1 pasukan perempuan.

3.0 KAEDAH PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan akan dibuat secara liga atau kalah mati mengikut kesesuaian dan jumlah penyertaan pasukan.
- 3.2 Perlawanan akan diadakan selama 5 minit setiap pusingan.
- 3.3 Pemenang akan mendapat sijil pemenang (individu) dan hadiah iringan (pasukan).

4.0 KRETIRIA PEMARKAHAN

- 4.1 Pasukan yang menang akan mara ke pusingan seterusnya.

5.0 HADIAH PERTANDINGAN

- 5.1 Kategori Lelaki : Hamper Johan, Naib Johan, Ketiga dan sijil setiap peserta.
- 5.2 Kategori Perempuan : Hamper Johan, Naib Johan, Ketiga dan sijil setiap peserta.

AKTIVITI 4 :
MEMBUAT KUIH BUAH MELAKA (ONDEH-ONDEH)
PENGELOLA :
PPM KULAI - TUAN SYED HAFIZ ADC KELANA KULAI
(016 2171509)

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Aktiviti ini dijalankan bersempena memperingati Hari Pengasas Pengakap.
- 1.2 Aktiviti ini bertujuan mencungkil dan mengembangkan potensi minat ahli terhadap salah satu aktiviti pengakap (kemahiran masakan).

2.0 KELAYAKAN DAN SYARAT PERYERTAAN

- 2.1 Penyertaan terbuka kepada semua ahli pengakap yang berdaftar dan menyertai “Perkhemahan Sambutan Hari Pengasas Negeri Johor 2020” kontinjen daerah masing-masing.
- 2.2 Peryertaan adalah secara berpasukan.
- 2.3 Setiap pasukan terdiri daripada 5 peserta
- 2.4 Penyertaan ahli pasukan hendaklah dari daerah yang sama.

3.0 KAEDAH PERLAKSANAAN AKTIVITI

- 3.1 Setiap pasukan hendaklah menyediakan dapur portable, dulang dan periuk sendiri.
- 3.2 Peserta akan diberi bimbingan cara-cara membuat kuih buah Melaka.
- 3.3 Setiap pasukan akan diberikan tempoh masa 1 jam 30 minit untuk mempersembahkan hasil masing-masing.

AKTIVITI 5 :
HIBURAN PENGAKAP – ROUND SONG
PENGELOLA :
KELANA L JB - TUAN BASNEL GUSWINDOO BIN BASRI
(017-7203218)

4.0 PENGENALAN

- 4.1 Aktiviti ini dijalankan bersempena memperingati Hari Pengasas Pengakap.
- 4.2 Aktiviti ini bertujuan mencungkil dan mengembangkan potensi minat ahli terhadap salah satu aktiviti pengakap
- 4.3 Peserta dapat berhibur dan mempelajari lagu-lagu pengakap.
- 4.4 Peserta boleh berkongsi dengan rakan rakan sekembali ke sekolah.

5.0 KELAYAKAN DAN SYARAT PERYERTAAN

- 5.1 Penyertaan terbuka kepada semua ahli pengakap yang berdaftar dan menyertai “Perkhemahan Sambutan Hari Pengasas Negeri Johor 2020” kontinjen daerah masing-masing.
- 5.2 Peryertaan adalah terbuka kepada semua.

6.0 KAEDAH PERLAKSANAAN AKTIVITI

- 6.1 Peserta akan diberi pendedahan tentang lagu-lagu dan yell dalam pengakap.
- 6.2 Peserta akan membuat membuat persembahan secara berkumpulan
- 6.3 Peserta berkongsi lagu-lagu dan yell yang mereka ketahui kepada rakan-rakan dari sekolah lain

AKTIVITI 6 :
FUN GAME
PENGELOLA :
PPM JOHOR BAHRU - TUAN ZULKAFLI BIN MOHAMAD
(019-7558413)

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Aktiviti ini dijalankan bersempena memperingati Hari Pengasas Pengakap.
- 1.2 Aktiviti ini bertujuan memberi keseronokan kepada peserta.
- 1.3 Peserta dapat berkomunikasi dan meluaskan persahabatan melalui aktiviti yang dijalankan.
- 1.4 Memupuk nilai-nilai murni dikalangan peserta melalui aktiviti yang dijalankan.

2.0 KELAYAKAN DAN SYARAT PERYERTAAN


- 2.1 Penyertaan terbuka kepada semua ahli pengakap yang berdaftar dan menyertai "Perkhemahan Sambutan Hari Pengasas Negeri Johor 2020" kontinjen daerah masing-masing.
- 2.2 Peserta bebas melaksanakan segala aktiviti yang dijalankan

3.0 KAEDAH PERLAKSANAAN AKTIVITI

- 3.1 Setiap base/ aktiviti akan dipantau oleh urusetia dikalangan kelana bertugas.
- 3.2 Peserta akan diberi bimbingan cara-cara membuat melaksanakan aktiviti.
- 3.3 Peserta perlu melaksanakan aktiviti mengikut peraturan dan arahan yang diberi oleh urusetia

4.0 AKTIVITI BASE

- 4.1 Nerf
- 4.2 Melastik
- 4.3 Tuju Tin
- 4.4 Songkran
- 4.5 Belon Combat
- 4.6 Dam Haji Gergasi
- 4.7 Lempar Gengem Monyet
- 4.8 Bocor Bah
- 4.9 Halangan Komando
- 4.10 Tarik Tali
- 4.11 Solar Race



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA NEGERI JOHOR
(The Scout Association of Johor)

Kertas Kerja

**PERKHEMAHAN SAMBUTAN HARI PENGASAS
PERINGKAT NEGERI JOHOR 2020**

Tarikh

21 HINGGA 22 FEBRUARI 2020

Tempat

**KEM JUBLI INTAN TANJUNG LABOH,
BATU PAHAT, JOHOR**

Dianjurkan Oleh

PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA NEGERI JOHOR

KERTAS KERJA

PERKHEMAHAN SAMBUTAN HARI PENGASAS PERINGKAT NEGERI JOHOR 2020

1.0 PENGENALAN

Kem ini merupakan satu aktiviti perkhemahan yang bertujuan bagi memperkukuh kefahaman serta penghayatan mengenai jasa atau sumbangan tokoh kepengakapan. Menjadi tanggungjawab penganjur untuk menyemai rasa patriotisme dan menghargai individu yang telah berbakti kepada pergerakan pengakap khususnya di negeri Johor. Walaupun pemimpin silih berganti, namun karisma ketokohan mereka perlu dikenang dan menjadi suri teladan kepada generasi akan datang.

2.0 MATLAMAT PROGRAM

Menjalankan aktiviti kepengakapan yang berkonsep menilai kemahiran, idea inovasi yang menarik serta mempunyai impak tentang pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Fokus juga diberikan bagi memperkukuh nilai kepimpinan serta menghargai jasa tokoh kepengakapan berkarisma.

3.0 OBJEKTIF

Program ini diadakan bertujuan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

- 3.1. Memupuk daya inovatif dalam melaksana aktiviti kepengakapan.
- 3.2. Melahirkan kesedaran tentang kualiti kepimpinan yang perlu diteladani.
- 3.3. Membentuk nilai kesungguhan dalam melaksanakan sesuatu tugas.
- 3.4. Membina hubungan setiakawan serta kerjasama secara berpasukan.
- 3.5. Memantapkan disiplin dan jati diri peserta terhadap tugas.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Penyertaan adalah terbuka kepada semua unit pengakap seperti yang dinyatakan di bawah:

Penyertaan		Jumlah
Daerah Batu Pahat	(PK/PR/PM/PKK/P.Khas)	100
Daerah Pontian	(PK/PR/PM/PKK/P.Khas)	40
Daerah Kluang	(PK/PR/PM/PKK/P.Khas)	40

Daerah Kulai	(PK/PR/PM/PKK/P.Khas)	40
Daerah Johor Bahru	(PK/PR/PM/PKK/P.Khas)	40
Daerah Pasir Gudang	(PK/PR/PM/PKK/P.Khas)	40
Daerah Kota Tinggi	(PK/PR/PM/PKK/P.Khas)	40
Daerah Mersing	(PK/PR/PM/PKK/P.Khas)	40
Daerah Muar	(PK/PR/PM/PKK/P.Khas)	40
Daerah Segamat	(PK/PR/PM/PKK/P.Khas)	40
Daerah Tangkak	(PK/PR/PM/PKK/P.Khas)	40
AJK & Guru pengiring		100 orang
Jumlah Penyertaan		600 orang

5.0 CADANGAN TARIKH DAN TEMPAT AKTIVITI

- ✓ Tarikh : 21-22 Februari 2020 (Jumaat – Sabtu)
- ✓ Tempat : Kem Pengakap Jubli Intan, Tanjung Laboh, Batu Pahat, Johor.

6.0 PENGISIAN PROGRAM

Pengisian program ini lebih menitikberatkan cara menghargai tokoh yang banyak berjasa kepada sesebuah organisasi. Penghargaan ini diimplementasikan dengan sisipan nilai sivik ke dalam jiwa anak-anak pengakap seperti nilai kasih-sayang, nilai hormat-menghormati dan nilai bertanggungjawab

7.0 IMPLIKASI PENGANJURAN

A. Implikasi Kepada Murid:

- ✓ Para peserta akan memperoleh pengalaman sepanjang perkhemahan dijalankan.
- ✓ Memupuk rasa menghormati tokoh melalui penerapan nilai sivik seperti kasih-sayang dan bertanggungjawab.
- ✓ Meningkatkan kemahiran ilmu kepengakapan peserta melalui aktiviti dan pertandingan.

B. Implikasi Kepada Guru:

- ✓ Mampu mengelolakan sesuatu program yang berfaedah.
- ✓ Memberi nilai tambah pengalaman berinteraksi dengan guru-guru dari sekolah.

- ✓ Mengaplikasikan ilmu baharu yang diperolehi ke dalam program di sekolah sama ada kurikulum, kokurikulum dan koakademik
- ✓ Menyebar luas segala maklumat dan pengalaman yang diperolehi kepada ahli-ahli pengakap di sekolah masing-masing.

8.0 YURAN PENYERTAAN

Maklumat yuran penyertaan seperti dinyatakan di bawah :

- ✓ Peserta : RM 30.00
- ✓ Pemimpin & IST : RM 30.00

**Rujuk Lampiran A untuk maklumat terperinci*

9.0 PELAN KONTIGENSI & PENGURUSAN RISIKO

Bagi memastikan kelangsungan dan kelancaran program, pengurusan risiko merupakan satu aspek pengurusan yang sangat penting dalam memastikan keselamatan dan keselesaan para peserta yang menyertai program ini selamat. Pihak penganjur merancang beberapa pelan kontigensi berikut :

- 9.1 Pelajar dilatih bersiap siaga berkumpul di padang kawat untuk menyelamatkan diri daripada bencana sekiranya berlaku.
- 9.2 Menyediakan pusat operasi kesihatan (klinik bergerak) sementara.
- 9.3 Mengadakan semburan (fogging) bagi mengawal nyamuk dan lalat.
- 9.4 Menyediakan pegawai bertauliah dan kenderaan khas (siap siaga) untuk membawa pesakit ke klinik/hospital jika memerlukan.

10 PUNCA KUASA PENGANJURAN

Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Johor

11 CADANGAN PERASMIAN PENUTUPAN

- ✓ Penutupan Rasmi Oleh : Ketua Pesuruhjaya Negeri, Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Johor.

12 JAWATANKUASA

Senarai Jawatankuasa Pengelola

Penasihat : Tn. Bardin Bin Utih

Ketua Pesuruhjaya Negeri, PPM Negeri Johor.

Pengerusi : Tn. Hj. Ramli Bin Hj. Ibrahim

Timbalan Ketua Pesuruhjaya Negeri, PPM Negeri Johor.

Timbalan : Tn. Megad Mohd Nizar Bin A Rahman

Timbalan Ketua Pesuruhjaya Negeri, PPM Negeri Johor.

Penyelaras : Tn. Kama Azhar Bin Ab Karim

Pen. Penyelaras : Tn. Hj. Abd Razak Bin Hj. Idris

Setiausaha 1 : En. Anuar Bin Salleh

Setiausaha 2 : En. Rahmad Bin A Rahman

Bendahari : Tn. Hj. Daud Bin A Rahman

Persiapan Tempat : En. Mohd Asik Bin Saim

Pendaftaran AJK/Tetamu : En. Mohd Afiq Bin Imam

Penajaan : En. Zainee Bin Khamis

Penghargaan : Pn. Noor Hudah Binti Jamal

Protokol : Tn. Hj. Abu Khan Bin Misran

Atur cara Pemimpin : Tn. Hj. Mohd Khir Bin Muda

Penyambut Tetamu : Tn. Hj. Mazlan Bin Hj. Zaini

Ushers : En. Mohd Khairul Bin Zainal

Persembahan Multi Media : Pn. Rosmah Binti Abdullah

Persembahan PKK : En. Emir Nashriq Bin Kassim

Persembahan PM/PR : En. Ghazali Bin Mastor

Persembahan Kelana : En. Muhammad Izzat Haziq Bin Rahmad

Persembahan Seni Suara : Tn. Hj. Razak Bin Ismail

Gimik Majlis : En. Aziz Bin Ahmad

Gimik Radio Amatur : En. Zaki Bin Din

Perasmian Arena : En. Md Ayob Bin Ab Jabar

Perarakan : En. Zalini Bin Johari
Perbarisan Kehormat : En. Jairuddin Bin Hadjilani
PA-Sistem : Tn. Hj. Md Noh@Safar Bin Hj. Hamim
Banner/Buku Program : Pn. Noraishah Binti Idris
Lencana Dan Sijil : En. Mohd Khairi Bin Jelani
Khemah Dan Perabot : En. Azhan Bin Sitam
Hiasan Khemah/Arena : En. Mohd Nazrin Bin Abd Halim
Persiapan Teknik Lampu : En. Nelly Iszaidy Bin Mohd Said
Pengacara : En. Suhizulhisam Bin Keliwon
Pembaca Doa : En. Firdaus Bin Maskan
Pengurus Hadiah : Pn. Maslinda Binti Mat Daros
Jamuan Vip : Pn. Habibah Binti Ismail
Jamuan Tetamu : Pn. Ruzaidah Binti Ibrahim
Hiasan Khemah : Pn. Shariffah Maheran Binti Mohamad
Persembahan Selingan : Tn. Hj. Razak Bin Ismail
Kawalan Disiplin : En. Basnel Guswindo Bin Basri
Liputan Media : En. Mohamad Rizal Bin Mat Said
Kawalan Lalulintas : En. Hasbullah Bin Jelani
Rakan Strategik : En. Mazlan Bin Karim
Keceriaan : Tan Check Meng
Kem Komandan : En. Rodyisnanshah Bin Julaihi
Penolong : En. Mohd Asfaizal Bin Hasran
Urus Setia Kem : En. Zaki Bin Azman@Kosot
Perhubungan : En. Muhammad Falihin Bin Kamari
Aktiviti : En. Rithaudin Bin Alias
Istiadat : En. Rizal Bin Abdullah
Pertolongan Cemas : En. Mahazir Bin Karimon
Makan Minum : En. Sharizam Bin Abd Talib
Peralatan : En. Mohd Azlan Bin Bunasir
Infrastruktur : En. Abd Shukor Bin Selamat

Cenderamata : En. Sani Bin Md Hassan

Tapak Khemah : En. Azmi Bin Yusof

Siaraya : Tn. Hj. Yusri Bin Buang

Kebersihan : En. Mohd Saberi Bin Rajab

Kerohanian/Input Moral : En. Irasha Bin Idris


12.0 JADUAL PROGRAM

TARIKH/MASA	21.02.2020 (JUMAAT)	22.02.2020 (SABTU)
0630-0700		SENAMAN PAGI/ SARAPAN
0700-0900		ISTIADAT PERHIMPUNAN PAGI/ PERUTUSAN HARI PENGASAS
0900-1100	PENDAFTARAN/ TAKLIMAT	AKTIVITI 3
1100-1300	MENDIRIKAN KHEMAH/ MAKAN TENGAH HARI	AKTIVITI 4
1300-1400	SOLAT JUMAAT/ ISTIREHAT	MAKAN TENGAH HARI / MENURUNKAN KHEMAH/ BERTOLAK PULANG
1400-1600	AKTIVITI 1	
1600-1700	AKTIVITI 2	
1700-1800	MAKAN MALAM	
1800-2000	MAJLIS RASMI	
2000-2200	(ARENA YAACOB)	
2200-0000	MESYUARAT KEM	

11.0 Penutup

Kem ini merupakan salah satu aktiviti terawal dalam kalender program PPM Johor. Menjadi suatu yang istimewa apabila majlis khas ini untuk meraikan pengasas pengakap dunia yang diadakan pada 22 Februari setiap tahun dan juga meraikan mantan Ketua Pesuruhjaya Negeri agar dapat memartabat jejak wira serta ketokohan terbilang.


Disediakan oleh:



ANUAR BIN SALLEH

Setiausaha Majlis Pesuruhjaya
Persekutuan Pengakap Malaysia
Negeri Johor

Disemak oleh;



BARDIN BIN UTEH

Ketua Pesuruhjaya Negeri
Persekutuan Pengakap Malaysia
Negeri Johor

KOS (ANGGARAN PERBELANJAAN)

PENDAPATAN	JUMLAH (RM)	PERBELANJAAN	JUMLAH (RM)
1. YURAN PESERTA (600 X RM30.00)	18,000.00	1. MAKAN MINUM (3 KALI X RM5.00 X 600)	9,000.00
2. SUMBANGAN	500.00	2. BAYARAN KEM (1 X RM3.00 X 600)	1,800.00
		3. SIJIL	600.00
		4. LENCANA	750.00
		5. BANNER	280.00
		6. PA-SYSTEM	1,500.00
		7. UBATAN P/CEMAS	200.00
		8. ALATAN AKTIVITI	1,000.00
		9. SEWA CANOPY SUBKEM (4 UNIT)	1,200.00
		10. SEWA MEJA KERUSI	570.00
		11. BORANG AKTIVITI/ ALATULIS	300.00
		12. HADIAH	1,300.00
JUMLAH KESELURUHAN	18,500.00		18,500.00